

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR - PPBM]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bersetuju untuk meneruskan cadangan bagi membina sebuah stadium mini di Desa Puri dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sebuah stadium mini di kawasan Parlimen Tasek Gelugor ditangguhkan dengan kajian semula diadakan ke atas skop dan lokasi pembinaan bagi projek ini. Kajian ini mengambil kira keluasan tapak cadangan pembinaan seluas 8 ekar yang mengandungi skop pembinaan seperti trek larian, astaka penonton dengan kapasiti seramai 300-500 orang penonton, sebuah padang bola sepak yang dilengkapi dengan kemudahan lampu limbah dan tempat letak kenderaan. Projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK-12).

Sekian, terima kasih.